

**MAJLIS SANTAPAN REGIMENTAL PALAPES UniMAP  
KE-3**

**Teks Ucapan**

***BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN***

**Naib Canselor**

Merangkap

**Komandan Palapes**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 8 Januari 2011,

di Bay View Beach Resort, Pulau Pinang

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Mengadap ke bawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis merangkap Pro Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga Palapes UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan duli tuanku berdua bercemar duli berangkat ke Majlis Santapan Regimental Palapes UniMAP kali ke-3 ini. Sesungguhnya kehadiran duli tuanku

berdua ke majlis ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti ini. Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.

Ampun tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Berbahagia Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti,  
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff Haji Hussain dan Yang Berbahagia Puan Sri,

Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Dato' Pahlawan Hj Zulkifli Bin Hj. Zainal Abidin, Timbalan Panglima Tentera Darat Dan Datin,

Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Abdul Rahim Bin Haji Mohd Yusoff, Panglima Markas Latihan dan Datin,

Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Mohd Noor Bin Daud, Panglima 2 Division dan Datin,

Yang Berbahagia DCP Dato' Wira Haji Ayub Bin Haji Yaakob, Ketua Polis Pulau Pinang dan Datin,

Yang Berbahagia Brig. Jeneral Dato' Fadzlurrahman Bin Mohamad Irfan, Assistance Panglima Pasukan Simpanan Dan Datin,

Yang Berbahagia Brig. Jeneral Dato' Md Azman Bin Haji Rosli, Pengarah Pusat Latihan Dan Datin,

Yang Berbahagia Brig. Jeneral Datuk Tajri Alwi, Panglima 6 Briged Dan Datin,

Yang Berbahagia SAC Datuk Tajudin Md Isa, Ketua Polis Perlis Dan Datin,

Para Pegawai, Jurulatih-Jurulatih Dan Pegawai Sukarela PALAPES UniMAP,

Seterusnya Hadirin dan hadirat yang dirai sekalian.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan tetamu-tetamu kita pada hari ini kerana sudi melapangkan diri, meluangkan masa untuk bersama-sama hadir ke majlis ini. Kehadiran ini sesungguhnya pasti menguntum bahagia, menambah seri majlis yang kita adakan pada malam ini.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala, tuhan pencipta alam yang maha agung, maha pengasih dan maha penyayang kerana dengan limpah izinNya, dapat kita dipertemukan pada majlis malam ini untuk mengukuhkan lagi kesinambungan tradisi tentera yang telah diterap menjadi tunjang kepada kemantapan kita lebih enam dekad yang lalu.

Para hadirin sekalian,

Dikesempatan yang ada ini saya ingin mengimbau kembali kenangan pengambilan seramai 98 mahasiswa/mahasiswi sebagai kadet palapes yang ketiga UniMAP yang telah dilaksanakan pada bulan jun 2007 dan seramai 51 orang telah berjaya ditauliahkan. Mereka ini sebenarnya merupakan penyambung warisan kegemilangan bagi palapes UniMAP. Sepanjang tiga tahun sebagai pegawai kadet di UniMAP, telah banyak sumbangan dan peluh keringat telah mereka curahkan untuk mengharumkan nama universiti. Di antara kejayaan dan sumbangan yang telah mereka berikan adalah apabila mendapat naib johan dalam perbarisan badan beruniform sempena sambutan hari kemerdekaan peringkat negeri Perlis bagi tahun 2008 dan juga menyertai perbarisan semasa istiadat konvokesyen UniMAP.

Saya berasa bangga dan kagum apabila dimaklumkan bahawa daripada 51 pegawai muda yang ditauliahkan, 40 orang masih lagi menyambung pelajaran di peringkat ijazah, 5 orang meneruskan pengajian dari diploma ke peringkat ijazah sarjana muda dan seramai 6 orang telah menamatkan pengajian dan telah pun menerima tawaran bekerja di syarikat multi nasional seperti Syarikat Al-Jabar di Indonesia, Omron Industrial Automation dan menjadi tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi awam. Berikan tepukan yang gemuruh buat semua pegawai muda UniMAP ini.

Para hadirin yang diraikan sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, Majlis Makan Malam Regimental merupakan salah satu adat tradisi ketenteraan yang masih utuh diamalkan oleh Angkatan Tentera Malaysia amnya dan tentera darat khususnya. Pada malam ini, saya berasa sangat bertuah kerana kita dapat melaksanakan majlis makan malam bagi meraikan pelajar-pelajar UniMAP yang telah ditauliahkan sebagai pegawai muda dalam Kor Rejimen Askar Wataniah di Universiti Sains Malaysia pada 12 Jun 2010 yang lalu. Selain itu, majlis ini juga merupakan salah satu cara bagi UniMAP menghargai sumbangan yang telah mereka berikan selama tiga tahun berada di UniMAP sebagai pegawai kadet.

Sesungguhnya pegawai muda yang dilahirkan oleh UniMAP di bawah bimbingan ketua jurulatih, Mejar Md Rozi Bin Abd Razak merupakan pegawai muda ketiga dan mereka inilah yang akan membawa nama UniMAP ke Rejimen Siri 500 Askar Wataniah apabila tamat pengajian di UniMAP kelak. Berbekalkan ilmu, pengetahuan dan kemahiran yang telah ditunjuk ajar semasa di PALAPES, diharapkan mereka mampu melakarkan kegemilangan kepada universiti kelak. Saya berharap agar anda dapat menyesuaikan diri dan menjadi ketua yang terbaik dalam pasukan yang bakal dipimpin oleh anda nanti. Semoga ini akan menjadi titik tolak kepada persediaan anda untuk menjadi peneraju kepada kepimpinan negara pada masa hadapan.

Para hadirin sekalian,

Pegawai-pegawai muda di hadapan saya ini merupakan aset kepada pembangunan industri kerana apabila bergraduasi kelak, mereka akan menjadi tonggak yang menyumbang kepada pembangunan industri negara. Sebagai pegawai muda dalam Kor Rejimen Askar Wataniah, walaupun mereka tidak memakai pakaian beruniform setiap hari atau bekerja di dalam kem tentera, merekalah yang akan menggalas tanggungjawab menjaga keamanan dan kedaulatan sesebuah negara.

Di kesempatan yang singkat ini, saya menyeru kepada semua pegawai muda yang ditauliahkan pada tahun lepas supaya tidak mensia-siakan kekuatan ilmu dan kemahiran yang telah dibina dalam diri sebaik walaupun selepas saudara-saudari meninggalkan kampus universiti kelak. Negara amat memerlukan sumber manusia muda yang beriltizam, pintar, cekal dan berani seperti saudara-saudari yang akan teguh berdiri mengharungi segala cabaran masa depan dan menghapuskan segala ancaman oleh anasir luar yang mengganggu gugat keharmonian negara kita - Malaysia. Marilah kita bersama-sama menjadi bangsa yang digeruni dari segi ketinggian ilmu dan kehalusan nilai keperibadian. Bangsa yang tunduk bila bersalah, merendah bukan menyembah, meninggi bukan melonjak, tunduk kepala bukan minta untuk dipijak.

Saudaralah, pemuda harapan bangsa, saudarilah, pemudi tiang negara, pelindung rakyat segenap lapisan. Sepohon kayu yang akarnya teguh, tidak gentar menentang taufan. Cabaran diberi, cabaran bersahut, tangan dihulur sentiasa bersambut, maruah negara tak akan berparut!

Ingin saya sematkan disanubari saudara dan saudari sekalian,

*jika kita mengais biarlah berkuku,*

*jika kita berhujah biarlah berilmu penuh didada,*

*jika kita bertempur biarlah ke titisan darah yang terakhir.*

*Jangan di sangka langit yang cerah itu rendah, kerana jika dipandang, seakan dekat, tapi, jika digapai, pasti tangan terkapai-kapai.*

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pegawai muda yang telah ditauliahkan dalam Rejimen Askar Wataniah. Tidak lupa juga, ucapan ribuan terima kasih saya kepada semua jurulatih yang telah bekerja keras mengajar dan mendidik serta mempersiapkan mental dan fizikal sehingga mereka berjaya dan layak ditauliahkan. Sebelum saya mengundurkan diri, izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun,

*Ikan ditangkap, menggunakan tangan,*

*Kemudian dimasak, pelbagai cara,*

*Telah tersedia, pelbagai hidangan,*

*Silalah jemput, menjamu selera.*

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik pada malam ini. Patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli Tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis pada malam ini.

Patik sudahi ucapan ini dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.